

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Disertasi yang dibuat ini, merupakan satu kajian untuk mengenal pasti sejauh mana pelajar-pelajar Melayu dapat menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab. Perbendaharaan kata bahasa Arab ini diperolehi melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan buku teks sama ada di tingkatan satu, dua dan tiga. Penguasaan ini dapat diukur dengan menggunakan kertas jawapan pelajar bagi Peperiksaan Percubaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 1999.

Kajian ini dijalankan di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) di Negeri Melaka, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Sultan Muhammad Batu Berendam dan Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Sharifah Rodziah, Telok Mas, Melaka.

Ianya melibatkan 30 set kertas jawapan soalan Percubaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 1999 dan juga 10 orang guru yang mengajar bahasa Arab.

Semoga kajian yang dibuat ini, akan dapat mempertingkatkan lagi prestasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan seterusnya memperkembangkan lagi mutu pencapaiannya di Malaysia.

1.1 Pernyataan Masalah.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua, topik perbincangan masih lagi berkisar kepada kesulitan yang dihadapi untuk menguasainya. Permasalahan inilah yang membelenggu keberkesanan dan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut.

Ramai di kalangan pendidik menganggap bahawa pengajaran bahasa itu merangkumi keseluruhan aspek berbahasa termasuklah pengajaran perbendaharaan kata. Keadaan ini berbeza, apabila kita melihat di sekolah-sekolah, banyak masa diperuntukkan untuk pengajaran nahu atau tatabahasa. Pelajar-pelajar masih lemah untuk menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab. Walaupun terdapat juga pengajarannya, tetapi ianya diajar secara tidak langsung sahaja. Pada keseluruhannya, bentuk pengajaran perbendaharaan kata bahasa Arab di sekolah-sekolah bolehlah disimpulkan seperti berikut;

- i. guru memberi penerangan secara langsung melalui kaedah terjemahan, iaitu menterjemah perkataan satu persatu secara denotatif.
- ii. guru meminta pelajar mencari makna perkataan secara kumpulan atau individu dengan menggunakan kamus, kemudian menterjemahkan perkataan, ayat atau teks tersebut ke bahasa Melayu.
- iii. guru memberi perhatian kepada beberapa perkataan yang penting atau baru, kemudian menterjemahkannya dan membina ayat.

iv. guru memberi makna sinonim dan antonim.

Sepatutnya, pengajaran perbendaharaan kata bahasa Arab perlulah diberi perhatian yang serius, kerana kelemahan pelajar dalam bidang penulisan, pertuturan dan pembacaan adalah berpunca daripada kelemahan mereka menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab (*Hassan Basri A.Mat Dahan 1994 : 51*).

Di Malaysia, pengajaran perbendaharaan kata merupakan satu keperluan yang amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua, kerana pelajar bukannya penutur jati bahasa Arab. Tambahan pula, faktor persekitaran tidak dapat membantu pelajar mempraktikkannya dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan.

Buku teks merupakan salah satu bahan yang dapat membantu pelajar dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Penggunaan buku teks adalah wajar untuk menentukan tahap pencapaian pelajar menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab. Oleh itu kajian terhadap pemilihan perbendaharaan kata buku teks, perlulah seimbang dan mengambil kira situasi pelajar dan penggunaan bahasa Arab di Malaysia serta kedudukan bahasa ibunda.

Tahap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar, akan dapat diukur dengan tepat, melalui jawapan mereka dalam peperiksaan dan ujian, seperti Peperiksaan Percubaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Ini adalah kerana melalui ujian dan penilaian, mereka akan menggunakan perbendaharaan kata yang telah dipelajari sebelum ini dengan sepenuhnya.

1.2 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan satu pemerhatian untuk mengenal pasti sejauh mana pelajar menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab. Kajian ini dibuat melalui :

- i. analisa kertas jawapan pelajar daripada Peperiksaan Percubaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 1999. Sebanyak 30 set kertas jawapan digunakan dalam analisa ini.
- ii. analisa perbendaharaan kata bahasa Arab yang terdapat dalam buku teks di tingkatan satu, dua dan tiga.
- iii. kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam kelas.

Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah sahaja di Negeri Melaka, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Sultan Muhammad dan Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Sharifah Rodziah. Penulis memilih sekolah-sekolah ini kerana:

- i. kedua-dua sekolah ini dari jenis sekolah yang sama iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).
- ii. kedua-dua sekolah ini mempunyai suasana persekitaran bahasa Arab yang sama.
- iii. sistem pendidikan yang sama dari sudut kurikulum, buku teks, pemilihan pelajar dan penyeliaan.

- iv. guru-guru yang mengajar bahasa Arab terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan bahasa Arab sama ada dalam atau luar negeri dan mereka mendapat pendedahan kursus yang sama.
- v. bentuk soalan peperiksaan Percubaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 1999 yang selaras.

1.3 Objektif kajian.

Kajian yang dijalankan ini, mempunyai matlamatnya yang tersendiri, khususnya dalam aspek yang berkaitan dengan perbendaharaan kata bahasa Arab. Secara terperinci, tujuan kajian ini adalah untuk melihat perkara-perkara berikut;

- i. tahap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu di peringkat menengah rendah – khususnya tingkatan tiga.
- ii. sejauh mana pelajar dapat memanfaatkan perbendaharaan kata yang dikuasainya semasa menjawab soalan Percubaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) khususnya dalam penulisan karangan.
- iii. kesinambungan di antara perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga.

- iv. kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua, terutamanya kaedah pengajaran perbendaharaan kata .
- v. kesepaduan antara kaedah pengajaran dan pembelajaran (guru), buku teks (bahan) dan pencapaian pelajar.

1.4 Definisi konsep.

1.4.1 Penguasaan

Dalam kamus - *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* - penguasaan membawa maksud perbuatan atau hal menguasai, pemahaman, pencapaian dan pendapatan (*Hj.Zainal Abidin Safarwan - 1995 :940*)

Mengukur tahap pencapaian pelajar terhadap perbendaharaan kata bahasa Arab, sama ada mereka dapat menguasainya dengan baik atau sebaliknya.

1.4.2 Perbendaharaan Kata Bahasa Arab

Perbendaharaan kata atau kosa kata ialah khazanah kata yang dimiliki oleh sesuatu bahasa atau pengguna sesuatu bahasa (*Kamus Linguistik DBP – 1997 : 187*)

Bahasa mengikut Kamus Linguistik – DBP 1997, ialah keupayaan fitrah manusia yang berupa satu sistem lambang bunyi suara arbitrary yang dipersetujui bersama oleh satu kelompok sosial

dan digunakan sebagai alat berinteraksi (*Kamus Linguistik DBP – 1997:27*).

Bahasa Arab pula merupakan satu-satunya bahasa Semit (bahasa Afroasia) dengan bilangan penutur yang paling banyak, yang kini mungkin sekarang melebihi 150 juta. Ia merupakan satu-satunya bahasa utama di seluruh dunia Arab, iaitu Mesir, Sudan, Libya, negara-negara Afrika Utara yang biasanya dirujuk sebagai Maghrib (seperti Tunisia, Maghribi dan Algeria), Arab Saudi, Iraq, Jordan, Negara-Negara Teluk dan lain-lain. Malah ia merupakan bahasa utama Negara-Negara bukan Arab seperti Republik Chad di Afrika Tengah.

Bahasa Arab juga merupakan bahasa minoriti di negara lain seperti Nigeria, Iran, dan Soviet Union. Tambahan pula, bahasa Arab digunakan dengan meluas di seluruh alam Islam sebagai bahasa kedua dan sebagai bahasa cendekiawan liturgi. (*Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia – 1998 :24*)

Perbendaharaan kata bahasa Arab yang dikaji ialah perbendaharaan kata yang telah ditetapkan oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu, Dua dan Tiga. Ianya merangkumi al-asmā' (kata nama), al-af'āl (kata kerja), al-kalimāt al-waḥīfiyyah (kata tugas), al-t'ābīr (ungkapan), al-tarākīb (struktur ayat), al-aṣwāt (sebutan) dan al-arqām (bilangan).

1.4.3 Pelajar Tingkatan Tiga

Pelajar yang akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Mereka telah pun mempelajari bahasa Arab di tingkatan satu dan dua. Tahap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab mereka, akan dapat diukur melalui kertas jawapan peperiksaan seperti kertas jawapan soalan percubaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) .

1.4.5 Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama)

Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) atau dikenali dengan (SMKA) merupakan Sekolah Agama yang ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. SMKA mula beroperasi pada tahun 1977 dalam Rancangan Malaysia Ke 3, pengoperasiannya bermula dengan pembukaan 11 buah Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat. Bilangan ini terus bertambah ekoran daripada permintaan yang meningkat. Sehingga kini terdapat 55 buah SMKA di seluruh negara (*Tn.Hj.Dangiran bin Hj. Mustapa - Oktober 1999*).

Di Melaka terdapat dua buah SMKA iaitu :

- i. Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Sultan Muhammad, di Batu Berendam. Sekolah ini ditubuhkan pada 1 Mei 1967. Pada tahun 1977 sekolah ini diambil alih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Pendidikan Melaka. (*Al-Maidah - 1996/97 : 3*).

- ii. Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Sharifah Rodziah di Telok Mas. Penubuhan sekolah ini mula dirangka pada tahun 1968. Pada 1 Januari 1977 pentadbiran sekolah ini telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Islam. Sejak dari tarikh tersebut sekolah ini diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Pendidikan Melaka. (*Jubli Perak SMKASR – 1998:12*).

Dari definisi yang diterangkan, dapatlah difahami bahawa tajuk disertasi ini ialah untuk menganalisa sejauh mana pelajar-pelajar Melayu dapat menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab setelah mereka mempelajari di tingkatan satu, dua dan tiga. Melalui kajian yang dibuat, tajuk ini juga akan mengemukakan beberapa pendekatan yang berkesan, untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia khususnya dalam menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab.

1.5 Kepentingan Kajian

Walaupun kajian yang dibuat ini tidak menyeluruh ke semua sekolah yang menjalani proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, namun penulis mengharapkan agar kajian di dua buah sekolah SMKA ini akan menghasilkan beberapa natijah yang baik, untuk diberi perhatian yang serius oleh semua pihak, antaranya:

- i. para pelajar, agar mereka mengetahui kepentingan menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab, dalam usaha mempertingkatkan kemahiran bahasa.
- ii. guru dan tenaga pengajar bahasa Arab, agar mereka mengetahui tahap pencapaian perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar, setelah mereka mempelajarinya beberapa tahun.
- iii. guru dan tenaga pengajar bahasa Arab, agar dapat berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan terutamanya pengajaran perbendaharaan kata bahasa Arab .
- iv. Bahagian Kurikulum, JAPIM agar mereka merangka dan mengemaskini kurikulum mata pelajaran bahasa Arab yang lebih baik di peringkat Menengah Rendah.
- v. penggubal sukatan, terutamanya dalam pemilihan perbendaharaan kata bahasa Arab sama ada yang sering digunakan ataupun yang tidak digunakan.
- vi. penggubal buku teks, agar memilih perbendaharaan kata bahasa Arab yang sesuai dan bersepadu dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga.
- vii. penggubal soalan, agar menyediakan latihan, penilaian dan soalan yang seimbang dalam segenap aspek baik dalam kemahiran berbahasa (compentence) mahupun kemahiran berkomunikasi (performance).

- viii. pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jemaah Nazir, Universiti-universiti, Maktab-maktab Perguruan, Pusat Latihan Perguruan dan Intitusi-intitusi yang akan melahirkan bakal-bakal guru agar menyediakan program latihan pengajaran bahasa Arab yang berkesan terutamanya dalam pengajaran perbendaharaan kata.
- ix. penulis-penulis akan datang.